

PEMERKASA bantu aliran tunai syarikat pelancongan

Pakej rangsangan mampu menghidupkan semula industri

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Bantuan tunai dan galakan cukai kepada sektor pelancongan dalam Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) membantu melegakan aliran tunai syarikat dan pengusaha sektor berkenaan.

Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Datuk Tan Kok Liang, berkata pihaknya mengalu-alukan bantuan PEMERKASA, terutama jaminan kerajaan untuk melonggarkan sekatan perjalanan apabila keadaan

kembali terkawal.

Katanya, tidak dinafikan juga pakej rangsangan itu mampu menghidupkan semula industri pelancongan domestik yang terjejas agak lama sejak tahun lalu susulan pandemik COVID-19.

"Kami sentiasa mengadakan libat urus dengan kerajaan dan amat gembira apabila banyak cadangan kami didengari dan di-realisasikan oleh kerajaan di dalam PEMERKASA ini.

"Kami berharap semua inisiatif yang diperkenalkan kerajaan ini akan memberikan harapan

baharu kepada lebih 5,000 ejen pelancongan untuk mengharungi detik mencabar," katanya.

Mengulas lanjut Kok Liang berkata, pengusaha pelancongan juga berharap sempadan negara dapat dibuka semula bagi membenarkan pelancong antarabangsa masuk ke Malaysia selepas pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

"Saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana memberikan bantuan geran khas secara sekali bayar berjumlah RM3,000 ini kepada agensi pelancongan

"Kami berharap semua inisiatif yang diperkenalkan kerajaan ini akan memberikan harapan baharu kepada lebih 5,000 ejen pelancongan mengharungi detik mencabar"

Tan Kok Liang,
 Presiden MATTA



PEMERKASA

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

Pelbagai langkah dan inisiatif berjumlah RM920 juta disediakan bagi sektor pelancongan dan peruncitan

Bantuan



Pengecualian levi tabung HRDF secara automatik
RM75 juta



Bayaran tunai RM600 secara one-off kepada pengusaha homestay berdaftar dengan MOTAC
RM3 juta



Geran bantuan khas RM3,000 secara one-off kepada agensi pelancongan
RM17 juta



Diskaun bil elektrik 10% dilanjutkan selama 3 bulan sehingga Jun 2021
RM135 juta

Insentif Cukai

Kajian semula galakan cukai bagi syarikat pengendali pelancongan
RM37 juta

Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan
RM126 juta



Pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan
RM487 juta

Peluasan skop pelepasan cukai khas bagi perbelanjaan melancong dalam negara (pakej pelancongan)

Pengecualian duti hiburan di bawah Wilayah Persekutuan bagi tahun 2021 bagi taman tema dan pawagam
RM40 juta

berdaftar dengan MOTAC serta pengecualian cukai terhadap pakej pelancongan ditawarkan oleh ejen pelancongan berdaftar, yang mana semua ini dicadangkan oleh MATTA sebelum ini.

"Kami sentiasa terbabit dalam meninjau inisiatif diusahakan kerajaan bagi membantu pengusaha pelancongan," katanya.

Pengerusi Pusat Penyelidikan Inklusif dan Pembangunan Les-tari, Fakulti Ekonomi dan Pe-

ngurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Norlida Hanim Mohd Salleh, berkata inisiatif yang diumumkan itu sememangnya membantu penggiat pelancongan berdepan krisis yang amat mencabar ini.

Namun katanya, ia tidak boleh terhenti hanya setakat itu sebaliknya masih banyak yang perlu dibuat untuk menghidup dan mencergaskan semula sektor pelancongan.